

DATE : 06 June 2013  
PUBLICATION : Yahoo! News Malaysia  
SECTION : -  
HEADLINE : MAYBANK AM ISYTIHAR AGIHAN PENDAPATAN 15 SEN BAGI Q-  
OPPORTUNITIES FUND

---



## MAYBANK AM ISYTIHAR AGIHAN PENDAPATAN 15 SEN BAGI Q-OPPORTUNITIES FUND

 Bernama Media – 13 hours ago

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Maybank Asset Management Sdn Bhd (Maybank AM) mengisytiharkan agihan pendapatan 15 sen seunit bagi dana ekuiti tempatan utamanya, Maybank Q-Opportunities Fund (Q-OPP).

Maybank AM dalam satu kenyataan hari ini berkata sejajar dengan data ekonomi tempatan kukuh yang menunjukkan ke arah ekonomi Malaysia kekal di landasan untuk mencapai pertumbuhan keluaran dalam negara kasar lima hingga 5.5 peratus bagi 2013, ia yakin Q-OPP akan terus mencatatkan prestasi sejajar dengan aliran positif.

"Kami akan mengekalkan strategi kami dan yakin dana itu akan mencatatkan prestasi baik berikutan pertumbuhan domestik negara yang berdaya tahan, disokong oleh perbelanjaan prasarana kerajaan yang kukuh, penggunaan swasta dan aliran masuk pelaburan langsung asing," kata syarikat itu.

Maybank AM berkata agihan pendapatan itu akan dibuat hari ini dan akan dilaburkan semula atau dibayar menerusi cek atau dikreditkan ke dalam akaun bank pemegang unit.

Ia berkata pada 30 April, 2013, dana itu, yang menawarkan kepada pelabur pertumbuhan modal bagi tempoh jangka panjang, mencatatkan pulangan kumulatif 14.6 peratus sejak ditubuhkan pada Julai 2011, mengatasi penanda arasnya bagi FBM top 100 sebanyak 4.9 peratus.

Q-OPP ialah dana ekuiti borong yang menyasar mencapai kenaikan modal dalam jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti Malaysia.

Dana itu merupakan sebahagian daripada dana Q-Series Maybank yang akan menumpukan pada pelaburan tempatan.

-- BERNAMA